

# Dasar pendidikan tercapai tanpa UEC

Oleh **NURUL NABILLA CHE ZAIWAI**  
dan **NURULAIIDA MANDRI**  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 NOV.

**S**YARAT kemasukan ke universiti awam seperti yang ditetapkan kerajaan tanpa memberi pengiktirafan kepada Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) akan membantu mencapai matlamat negara dalam dasar pendidikan.

Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar berkata, universiti bukan sahaja tempat untuk menimba ilmu pengetahuan malah berperanan dalam memupuk semangat patriotisme.

Katanya, melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi menubuhkan satu sistem pendidikan, perkara yang perlu diutamakan adalah semangat cintakan negara supaya dapat memenuhi keperluan negara serta menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik.

"Kita bukan sahaja mahu melahirkan individu yang cemerlang dari aspek pendidikan malah turut mempunyai jati diri tinggi serta peka terhadap negara,

"Bagi melayakkan seseorang itu masuk ke universiti bukan sahaja melihat kepada kecemerlangan keputusan peperiksaan semata tetapi faktor utama adalah



**MOHAMMAD SHATAR**

Syarat ke IPTA perlu kepujian Bahasa Melayu dalam SPM

## UEC tidak diiktiraf

Oleh **HAKIMI ISMAIL**  
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 7 NOV.

**K**EMENTERIAN Pendidikan Tinggi kekal dengan keputusan tidak mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).  
Timbalan Menteri, Datuk Mary Yap Kain Ching berkata, sebab utama UEC tidak diterima pakai, "melayakan masuk ke IPTA"

saan seperti terkandung dalam Akta Pendidikan 1996.

"Selain itu, bahasa Melayu dalam UEC juga tidak setara dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan liputan sejarah negara dalam kurikulum sijil berkenaan juga tidak mencukupi.

"Syarat am kelayakan memasuki IPTA adalah perlu lulus SPM dengan bebarang kepintaran Bahasa Melayu"



**MARY YAP KAIN CHING**

terbuka untuk mempertimbangkan UEC diterima pakai sebagai layakan masuk ke IPTA sekiranya pindaan terhadap kandungan kurikulumnya dibuat selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan.

"Kementerian berterima kasih dan mengambil maklum terhadap pandangan yang memintakan UEC sebagai alternatif kepada sistem

**KERATAN MINGGUAN Malaysia pada 8 November 2015.**

menerusi mesej tersurat dan tersirat yang disampaikan melalui dasar tersebut," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Akhbar hari ini menyatakan, keputusan kerajaan untuk tidak mengiktiraf UEC sebagai syarat kemasukan ke univer-

siti awam perlu dihormati semua pihak bagi memastikan identiti kebangsaan tidak terjejas.

Semalam, Felo Utama Institut Kajian Etnik (Kita), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong berkata, semua pihak perlu menerima keputusan tersebut kerana bidang pendidikan merupakan perkara yang terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.

Sementara itu, Naib Canselor

Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mempunyai piawaian yang lebih tinggi berbanding dengan UEC dalam sistem pendidikan negara.

"Sebelum ini ada lulusan diploma dan ijazah institusi pendidikan luar negara tidak mendapat pengiktirafan di mana-mana universiti tempatan kita kerana tidak menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh setiap universiti.

"Untuk melahirkan siswazah yang berkualiti kita perlu ada piawaian yang sama terutama dalam sistem pendidikan di universiti," katanya.

Tambahnya, hal demikian merupakan soal kepentingan pendidikan negara, jadi semua aspek perlu diteliti supaya dapat melahirkan siswazah yang berkualiti pada masa hadapan.